



KENYATAAN MEDIA
YB SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG

ARAHAN PENUTUPAN PREMIS DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN KERANA WABAK COVID-19

Kerajaan Negeri telah bersetuju supaya Majlis Perbandaran Kuantan, Majlis Perbandaran Temerloh, Majlis Perbandaran Bentong, Majlis Daerah Pekan, Majlis Daerah Jerantut dan Majlis Daerah Cameron Highlands menentukan di sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini:

- I. semua premis yang dibenarkan beroperasi di Majlis Perbandaran Kuantan, Majlis Perbandaran Temerloh, Majlis Perbandaran Bentong, Majlis Daerah Pekan, Majlis Daerah Jerantut dan Majlis Daerah Cameron Highlands ditutup bermula jam **7 petang hingga 7 pagi** termasuk khidmat pandu lalu (*drive-through*);
 - II. semua **kedai serbaneka** di stesyen-stesyen minyak di Majlis Perbandaran Kuantan, Majlis Perbandaran Temerloh, Majlis Perbandaran Bentong, Majlis Daerah Pekan, Majlis Daerah Jerantut dan Majlis Daerah Cameron Highlands ditutup dari jam **10 malam hingga 6 pagi**. Hanya **perkhidmatan isian minyak sahaja dibenarkan beroperasi mengikut kelulusan lesen premis sedia ada**;
 - III. semua **kedai serbaneka 24 jam** termasuk *7 Eleven* Majlis Perbandaran Kuantan, Majlis Perbandaran Temerloh, Majlis Perbandaran Bentong, Majlis Daerah Pekan, Majlis Daerah Jerantut dan Majlis Daerah Cameron Highlands ditutup bermula jam **7 petang hingga 7 pagi**;
2. Arahan ini berkuatkuasa mulai 21 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020 atau sehingga tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ditarik balik.
 3. Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengambil tindakan penguatkuasaan yang tegas bagi memastikan arahan ini dipatuhi. Arahan ini akan diperluaskan berdasarkan perkembangan semasa.

Sekian, terima kasih.

YB. DATO' SRI DR. SALLEHUDDIN BIN ISHAK
Setiausaha Kerajaan Pahang
20 Mac 2020